

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
26 FEBRUARI 2016**

---

**1. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU**

Sukacitanya di sini saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2016 yang telah bermula pada 15 November 2015 yang lalu akan tamat pada 29 Februari 2016. Pembayar cukai taksiran yang masih belum membuat bayaran dan ingin menyertai cabutan bertuah boleh membuat bayaran dengan segera di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP. Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## 2. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 MAC 2016

Dimaklumkan bahawa, 29 Februari 2016 (Isnin) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2016. Mulai 1 Mac 2016, Notis E Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang masih belum menjelaskan cukai taksiran, hendaklah membuat bayaran dengan **SEGERA** di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

## 3. PEMBELIAN ALAT ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) ISI RUMAH

MPSP dengan kerjasama Shan Poornam Metals Sdn Bhd, akan mengadakan program pembelian *e-waste* isi rumah untuk dikitar semula bermula pada 6 Mac 2016 sempena Program Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai di Jalan Todak 2, Seberang Jaya.

Program ini akan dijalankan setiap bulan sempena Program Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Jenis peralatan elektrik dan elektronik yang terlibat adalah komputer peribadi, televisyen, radio, peti sejuk, mesin basuh, penghawa dingin, pencetak, telefon bimbit, pemain DVD/VCD, bateri telefon bimbit dan sebagainya. Jika *e-waste* tidak diuruskan dengan sempurna, ia akan memberi kesan kepada kesihatan manusia dan merupakan satu ancaman kepada alam sekitar.

#### 4. PROJEK PERINTIS DASAR PENGASINGAN SISA DIPUNCA

MPSP telah mengatur beberapa strategi dalam usaha untuk menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang akan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2016. Di antaranya adalah seperti berikut:-

- i. Projek Perintis seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah akan menjadi contoh kepada pelaksanaan seterusnya.

Bil	Skim	Lokasi	Tarikh
1	Kampung	Kampung Changkat, SPS oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang	10 Januari 2016
2	Kampung	Kampung Sanglang, Nibong Tebal, SPS oleh YB Tuan Soon Lip Chee	22 Januari 2016
3	Kampung	Kampung Padang Lalang, Simpang Ampat, SPS oleh YB Tuan Soon Lip Chee	21 Februari 2016

4	Taman	Taman Pekatra Indah, Simpang Ampat, SPS oleh Ahli Majlis Dr Tiun Ling Ta	21 Februari 2016
5	Taman	Bandar Tasek Mutiara oleh Ahli Majlis Dr Tiun Ling Ta	6 Mac 2016
6	Hotel / Outlet Makanan	Hotel Ixora, SPT oleh YBhg. Dato' YDP	3 Mac 2016
7	Kilang	Malaysia Automotif Lighting Sdn Bhd, SPS oleh YBhg. Dato' YDP	12 Mac 2016 Ditangguh ke 9 April 2016
8	Pusat Membeli Belah	Pasaraya Sunshine oleh YBhg. Dato' YDP	12 Mac 2016
9	PPRT	PPR Ampangan SPT oleh YBhg. Dato' YDP	28 Februari 2016
10	Kondominium / Apartment	Taman Mutiara Jaya, SPS.	Dalam peringkat perancangan
11	Kondominium / Apartment	Pangsapuri Bagan Vista, SPU.	Dalam peringkat perancangan
12	Kompleks Kerajaan	Wisma Persekutuan, K. Batas, SPU Akan diuruskan oleh Bhg Kerajaan Tempatan	Dalam peringkat perancangan

ii. Taklimat mengenai Dasar Pengasingan Sisa Di Punca kepada Warga Seberang Perai adalah seperti berikut:-

Bil	Kumpulan Sasaran	Lokasi	Tarikh
1	JMB / MC	Auditorium MPSP	27 Februari 2016
2	JKKK	Dengan kerjasama Pejabat Daerah	Telah disampaikan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah SPU (25 Feb) SPT & SPS masih dalam perancangan.

3	Penduduk Setempat	Dengan kerjasama Jabatan Agama Islam	Akan disampaikan melalui Khutbah Jumaat. (Pihak PGC telah kemukakan teks ucapan kepada MAINPP)
4	Peniaga-peniaga di Kompleks milik MPSP/ swasta/hotel dan outlet makanan	Auditorium MPSP	26 Februari 2016

iii. Di samping itu, MPSP akan bekerjasama dengan Penang Green Council untuk membuat hebahan kepada warga Seberang Perai melalui kaedah seperti berikut:-

- a. Streamer dan banner di seluruh Seberang Perai
- b. Buletin Mutiara
- c. Slot di Radio Mutiara
- d. Bill Board
- e. Pengiklanan di kenderaan awam
- f. Pengedaran risalah

Bagi memastikan pemahaman menyeluruh kepada masyarakat setempat mengenai dasar ini, kerjasama daripada Ahli-Ahli Majlis adalah dipohon untuk turut bersama menganjurkan lebih banyak

program berunsurkan taklimat / kempen / hebahan di lokaliti masing-masing. MPSP akan membantu dengan membekalkan bahan-bahan promosi dan memberikan taklimat.

## **5. PROGRAM PEMANDULAN ANJING**

Adalah dimaklumkan bahawa MPSP akan mengadakan Program Pemandulan Anjing mulai 26 Februari 2016 (Jumaat) bertempat di Klinik Veterinar MPSP Jalan Betek, Bukit Mertajam. Program ini akan diketuai oleh Pegawai Veterinar MPSP dengan bantuan Pegawai Veterinar dan pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Untuk permulaan sasaran pemandulan akan dibuat ke atas anjing-anjing di bawah seliaan NGO dengan bayaran RM50.00 seekor. Program ini merupakan sebahagian dari inisiatif MPSP di bawah Pelan Strategi Anjing Terbiar Sifar.

## **6. BUTTERWORTH DISCOVERY WALK 2016**

Dimaklumkan bahawa "*Butterworth Discovery Walk 2016*" akan diadakan di Lodge 18 Hotel, Butterworth pada 28 Februari 2016 (Ahad) bermula 7:30 pagi sehingga 11:00 pagi dengan kerjasama MPSP dan Think City. Program ini selaras dengan program pengisian di bawah Pelan Butterworth Baharu yang mana

berkonsepkan Eksplorasi Ikon Warisan dan Budaya di Butterworth yang melibatkan lima *checkpoint* dan 2.65 kilometer acara berjalan kaki secara santai.

## **7. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-11 pada 6 Mac 2016 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

## **8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 6 Mac 2016 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 20 Mac 2016 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 27 Mac 2016 (Ahad).

Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**